

BAB TIGA
PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN DI JABATAN
HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji membincangkan mengenai sejarah latar belakang penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu , tujuan dan bidang kuasanya , susunan pentadbiran dan carta organisasi , peranan dan fungsi. Di samping memaparkan unit yang terlibat dalam mengendalikan pembangunan insan dan program-program yang dilaksanakan.

3.2 Latar Belakang Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab khususnya dalam hal yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran keagamaan negeri. Jabatan ini telah ditubuhkan pada 1912M/1331H dengan dikenali sebagai “Pejabat Pesuruhjaya Agama Dan Keadilan”. Ia telah diterajui oleh ketua jabatan yang dikenali sebagai Sheikhu Islam. Pada 25 September 1919, gelaran “Ketua Jabatan”, telah ditukarkan kepada gelaran “Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu”.⁸⁵ Sejarah penempatan awal JHEAT terletak di Balai Besar (dalam kawasan Istana Maziah) atau kini tapaknya berdekatan dengan Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu.

⁸⁵ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (1984), *Buku Laporan Tahunan..* Kuala Terengganu: Wisma Negeri.

Kemudiannya penempatan jabatan ini telah dipindahkan ke Tapak Pejabat Pos Besar. Selepas itu tapaknya dipindahkan pula ke Tapak Wisma Darul Iman (Pejabat Besar).⁸⁶ Setelah itu dipindahkan ke Bangunan Engku Bijaya Raja (bangunan Persatuan Sejarah sekarang). Setelah itu ia dipindahkan lagi ke tapak Bekas Rumah Dato' Amar dan Rumah Syed Husin al-Bukhari (Jalan Syed Husin). Sejurusnya ditempatkan pula di Tapak Wisma Persekutuan dan Tapak Wisma Darul Iman.

Namun begitu, sekitar tahun 1977-1998 penempatan ini beralih ke Wisma Negeri pula.⁸⁷ Pada 12 Disember 1998 setelah beberapa kali bertukar penempatan, akhirnya jabatan ini telah diberikan penempatan tetap di Kompleks Sri Iman sehingga sekarang. Jabatan ini telah berkembang dengan pesat mengikut arus perkembangan negeri dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang pentadbiran dan tanggungjawab sosial.⁸⁸

Berdasarkan hasil kajian dokumentasi sejarah yang diperolehi, menunjukkan bahawa JHEAT merupakan sebuah organisasi agama yang begitu berpengaruh sejak zaman penubuhannya sehinggalah sekarang. Selain itu juga hasil kajian ini juga jelas membuktikan bahawa JHEAT mempunyai peranan dan autoritinya yang tersendiri terhadap masyarakat Negeri Terengganu.

⁸⁶ Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (1988), *Pentadbiran Islam di Terengganu*, Kuala Terengganu;Perkisahan Sejarah, h. 6-17.

⁸⁷ Sejarah JHEAT Dalam *Koleksi Terengganu* Bahagian Perkhidmatan Khas Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, h.1-6.

⁸⁸ *Ibid.*

3.2.1 Tujuan Dan Bidang Kuasa JHEAT

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu juga sebagaimana jabatan-jabatan kerajaan yang lain di Malaysia, mempunyai misi, objektif dan visinya yang tersendiri dalam penubuhannya. Misi utama JHEAT untuk merealisasikan wawasan kerajaan negeri ke arah menjadikan Islam sebagai ad-Din. Melahirkan keluarga Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan mempunyai daya saing yang tinggi. Manakala objektifnya pula untuk melahirkan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup (ad-Din) meliputi segenap kehidupan merangkumi akidah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan.⁸⁹

Menegak keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal dan membasmi kemungkaran murtad, bid'ah, maksiat, khurafat dan lain-lain yang menjejaskan kesucian Islam. Selain itu JHEAT juga merupakan badan pelaksana dasar yang mempunyai bidang kuasa terhadap hal ehwal agama Islam yang ditentukan oleh MAIDAM selaku pihak berkuasa agama negeri dan Kerajaan Negeri Terengganu.⁹⁰

Jabatan ini terdiri daripada lapan bahagian utama, iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Dakwah, Bahagian Pendidikan, Bahagian Pengurusan Masjid, Bahagian Pendakwaan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Undang-undang Keluarga Islam. Setiap bahagian itu mempunyai peranan masing-masing.⁹¹

⁸⁹ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 29 Jun 2010.

⁹⁰ *Ibid.*


⁹¹ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.

3.2.2 Susunan Pentadbiran Dan Carta Organisasi JHEAT

Struktur atau carta organisasi dalam sesebuah pentadbiran turut memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dan kejayaan sesebuah organisasi. Sekiranya strukturnya dianggotai oleh golongan yang berwibawa pastinya segala perancangan dan agenda sesebuah organisasi dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Begitu jugalah dengan JHEAT. Struktur pentadbirannya diketuai oleh Tuan Pesuruhjaya iaitu Dato' Hj. Shaikh Harun B. Shaikh Ismail. Kemudiannya beliau dibantu oleh dua orang Timbalan Pesuruhjaya iaitu Tuan Hj. Omar B. Musa dalam bahagian operasi dan Tuan Hj. Mohd Rozali B. Saleh dalam bahagian Khidmat Pengurusan⁹²

Seterusnya jabatan ini dibantu dengan tujuh orang Ketua Penolong Pesuruhjaya iaitu Puan Hjh. Samsiah Bt. Awang daripada Bahagian Dakwah, Tuan Hj. Jusoh B. Ngah daripada Bahagian Pendidikan, Tuan Hj. Mohamad Nor B. Mohamad daripada Bahagian Penguatkuasaan, Tuan Hj. Mustafa B. Hamzah daripada Bahagian Pendakwaan dan En. Ismail B. Ghani daripada Bahagian Undang-undang Keluarga, manakala Tuan Hj. Che Kamaruddin B. Mohamad daripada Bahagian Pengurusan Masjid. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam carta di bawah :

⁹² Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 29 Jun 2010.



Rajah 3.1
Carta organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
 Sumber : Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu,
 Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>,capaian pada 29 Jun 2010

3.3 Peranan Dan Fungsi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Jabatan ini mempunyai lapan bahagian utama. Setiap bahagian diketuai oleh seorang Timbalan Pesuruhjaya atau Ketua Penolong Pesuruhjaya dan dibantu pula oleh Penolong Pesuruhjaya. Jabatan ini terdiri daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pendakwaan, Bahagian Dakwah, Bahagian Undang-undang Keluarga, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, akhirnya Bahagian Pendidikan.⁹³

3.3.1 Bahagian Khidmat Pengurusan

Bahagian ini merupakan bahagian utama dan nadi pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan bertindak sebagai penyelaras kepada bahagian-bahagian lain. Ia mempunyai empat unit kecil, terdiri daripada Unit Pentadbiran Dan Kewangan, Unit Pengurusan Sumber Manusia, Unit Pembangunan dan Unit ICT.⁹⁴

a) Unit Pentadbiran Dan Kewangan

Unit ini bertanggungjawab menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pinjaman perumahan, kenderaan, komputer, urusan berkaitan kuarters bagi penempatan imam dan bilal. Bertanggungjawab dalam menguruskan pencalonan pingat kebesaran Negeri dan

⁹³ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang

⁹⁴ *Ibid.*

Persekutuan. Begitu juga dalam hal yang berkaitan dengan permohonan jawatan-jawatan baru dan penggunaan kenderaan pejabat. Di samping itu, unit ini berperanan sebagai badan penyediaan belanjawan tahunan dan penyelaras kepada semua bahagian di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.⁹⁵

b) Pengurusan Sumber Manusia

Unit ini menguruskan hal-hal berkaitan dengan pengesahan jawatan pegawai, kakitangan, urusan berkaitan hal kemasukan ke dalam jawatan pencen, penyediaan dokumen-dokumen pencen dan urusan mengenai cuti para pegawai serta kakitangan JHEAT. Di samping itu, unit ini bertanggungjawab dalam mengendalikan hal-hal yang berkaitan tata tertib kakitangan, kenaikan pangkat, penempatan dan penukaran pegawai mahupun kakitangan. Selain itu, unit ini akan melakukan perancangan dan mengenalpasti latihan-latihan yang bersesuaian dengan pegawai dan kakitangan.⁹⁶

c) Unit Pembangunan

Unit ini diberikan tugas sebagai unit merancang, mentadbir dan mengawasi projek-projek pembangunan keagamaan. Begitu juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan pejabat. Unit ini juga bertanggungjawab dalam urusan yang berkaitan perolehan.

⁹⁵ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 30 Jun 2010.

⁹⁶ *Ibid.*

Di samping itu, unit ini juga diberikan tanggungjawab untuk menyelia penyelenggaraan kenderaan pejabat dan keperluan kepada sekolah, masjid atau surau serta pembaikan kerosakan bangunan-bangunan tersebut sekiranya menerima aduan kerosakan.⁹⁷

d) Unit ICT

Unit ini telah dipertanggungjawabkan dalam hal merancang terhadap keperluan sistem perkomputeran jabatan dan menguruskan semua aplikasi sistem yang dibina oleh Pentadbiran Negeri seperti SISMAP SISMI. Selain itu unit ini juga bertanggungjawab dalam membina laman sesawang jabatan dan mengemaskininya. Di samping melakukan penyelenggaraan dan membaiki komputer secara *in house* serta mewujudkan jalinan rangkaian komunikasi di peringkat jabatan⁹⁸

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, bahagian khidmat pengurusan JHEAT ini memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju perjalanan organisasinya. Gabungan unit-unit di dalamnya bertujuan untuk memudahkan lagi segala perancangan dan pergerakan pentadbiran JHEAT.

⁹⁷ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 30 Jun 2010.

⁹⁸ Temubual dengan Puan Mazita Binti Mustafa Unit Teknologi Maklumat Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu pada 4 Julai 2010, jam 1.00- 1.30 petang.

3.3.2 Bahagian Pendakwaan

Bahagian ini berkaitan dengan pendakwaan. Terdiri daripada Unit Mahkamah Rayuan, Unit Mahkamah Tinggi dan Unit Mahkamah Rendah.⁹⁹

a) Unit Mahkamah Rayuan

Unit ini diberikan tanggungjawab dalam perkara-perkara yang berkaitan rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah. Mereka ini akan memastikan peruntukan undang-undang berkaitan prosedur, siasatan, keterangan dan pendakwaan dipatuhi sebagaimana diperuntukkan. Kemudiannya memastikan rekod-rekod jenayah dikemaskinikan bagi tujuan statistik dan rayuan (jika ada).¹⁰⁰

Unit ini juga berperanan untuk menyemak draf undang-undang atau draf pindaan undang-undang. Begitu juga dengan kes-kes rayuan yang memerlukan penjelasan fakta undang-undang. Seterusnya unit ini akan memastikan wujudnya jalinan dan hubungan kerjasama dalam hal ehwal berkaitan Enakmen/Undang-undang Syariah dengan pejabat Penasihat Undang-undang Negeri.

⁹⁹ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.

¹⁰⁰ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1 Julai 2010.

b) Unit Mahkamah Tinggi

Unit ini berperanan menerima kes, meneliti kes dan menghalusi kertas siasatan sebelum membawa kes ke Mahkamah Syariah. Di samping itu juga bahagian akan menyediakan dan menyemak kertas-kertas pertuduhan. Seterusnya menjalankan tugas pendakwaan di Mahkamah Tinggi Syariah. Unit ini juga akan memastikan peruntukan undang-undang berkaitan prosedur, siasatan, keterangan dan pendakwaan dipatuhi sebagaimana diperuntukkan dan memastikan rekod-rekod jenayah dikemaskini bagi tujuan statistik dan rayuan (jika ada). Kemudiannya unit ini juga akan menyediakan dan menyemak draf undang-undang atau draf pindaan undang-undang.¹⁰¹

c) Unit Mahkamah Rendah

Unit ini ditugaskan menerima kes dan meneliti serta menghalusi kertas siasatan sebelum sesuatu kes itu dibawa ke mahkamah. Namun sebelum itu, unit ini akan menyediakan terlebih dahulu kertas-kertas pertuduhan dan menyemaknya sebelum ia dibawa ke mahkamah. Unit ini juga bertanggungjawab dalam hal berkaitan pendakwaan yang berlaku di Mahkamah Rendah Syariah dan memastikan peruntukan undang-undang berkaitan prosedur, siasatan, keterangan dan pendakwaan dipatuhi sebagaimana diperuntukkan. Seterusnya unit ini akan memastikan rekod-rekod jenayah dikemaskinikan bagi tujuan statistik dan rayuan (jika ada).¹⁰²

¹⁰¹ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1Julai 2010.

¹⁰² *Ibid*

Di samping itu, unit ini akan bertindak sebagai urusetia bagi hal ehwal yang berkaitan Enakmen/Undang-undang yang berkaitan dengan Syariah. Setelah itu, unit ini akan melakukan penyediaan dan penyemakan terhadap draf-draf undang-undang atau draf pindaan undang-undang. Kemudiannya bertanggungjawab dalam meneliti dan menyemak kes- kes rayuan yang memerlukan penjelasan fakta daripada undang-undang. Begitu juga dengan perkara yang berkaitan mewujudkan hubungan dan jalinan kerjasama dalam hal ehwal berkaitan enakmen/undang-undang negeri, unit ini telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakannya.¹⁰³

Berpandukan penerangan dan maklumat yang diberikan pengkaji dapat memahami bahawa bahagian pendakwaan ini bertindak sebagai tempat pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan proses pengurusan mahkamah syariah yang berkaitan dengan jenayah dalam Islam.

3.3.3 Bahagian Dakwah

Bahagian ini bertindak sebagai badan dakwah sama ada terhadap masyarakat dan kakitangan JHEAT. Bahagian ini terdiri daripada Unit Pentadbiran, Unit Ukhuwah, Unit Dakwah dan Tarbiyah serta Unit Penerbitan.¹⁰⁴

¹⁰³ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1 Julai 2010.

¹⁰⁴ Temubual dengan Puan Manisah Bt Abdul Rahman, Pembantu Tadbir Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, pada 4 Julai 2010, jam 12.45-1.30 petang.

a) Unit Pentadbiran

Unit ini bertindak mengurus hal-hal yang berkaitan pentadbiran di bahagian dakwah. Ia berkaitan dengan hal-hal merancang dan mengurus perjawatan kakitangan bahagian ini. Begitu juga dalam hal menyelia dan mengawasi perjalanan surat-surat dan fail-fail bahagian. Di samping itu, unit ini telah diberikan tanggungjawab dalam merancang dan menyediakan bajet tahunan di bahagian tersebut.¹⁰⁵

b) Unit Ukhuwwah

Unit ini,berperanan dengan hal-hal berkaitan dengan saudara-saudara baru. Antara tugas-tugas yang dilaksanakan di unit ini adalah seperti mengendalikan proses pendaftaran dan rekod Saudara Baru, merancang aktiviti dan program dakwah saudara baru dan mengendalikan kelas-kelas pendidikan Islam bagi saudara baru. Di samping itu juga ia bertindak sebagai perancang program dan gerakan ta'lif, mengurus kebajikan dan kemudahan untuk saudara-saudara baru.¹⁰⁶

Selain itu juga, unit ini mengurus hal yang berkaitan dengan kebajikan dan kemudahan bagi Saudara Baru. Di samping menguruskan hal-hal berkaitan penamaan dan pertukaran nama-nama dalam Islam. Seterusnya unit ini bertindak menjadi urusetia bagi setiap majlis yang berkaitan dengan kebesaran dalam Islam seperti Maulidur Rasul dan Maal Hijrah serta bagi majlis tilawah dan hafazan al-Quran di peringkat negeri.

¹⁰⁵ *Ibid.*

¹⁰⁶ Temubual dengan Puan Hawa Binti Embong , Ketua Pembantu Hal Ehwal Islam (Unit Penerbitan), Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Pada 4 Julai 2010 , Jam 12.45 tgh- 1.30 Petang.

c) Unit Dakwah Dan Tarbiyah

Unit ini pula berfungsi sebagai perancang dalam program atau aktiviti yang berbentuk seperti kuliah dan forum. Ia juga bertindak sebagai penyusun atur bagi pengajaran di masjid/surau dan lain-lain agensi. Seterusnya unit ini juga memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada pesakit-pesakit di hospital serta bertindak sebagai agen menerbitkan risalah dan buku keagamaan. Selain itu juga unit ini menjadi pengendali kursus dan latihan kepada kakitangan kerajaan, orang awam dan NGO. Kemudiannya unit ini bertindak dalam merancang program-program berkaitan hafazan al-Quran dan tahsin al-Quran untuk golongan dewasa, pelajar-pelajar dan khususnya untuk golongan hafiz dan hafizah.

c) Unit Penerbitan

Unit ini bertindak sebagai kumpulan yang mengenalpasti bahan-bahan yang sesuai untuk diterbitkan. Di samping menyelarasnya bersama bahan-bahan tersebut dengan bahagian-bahagian dan Pejabat Agama Daerah untuk penerbitan. Selain itu, kumpulan ini juga akan menguruskan hal yang berkaitan dengan percetakan dan perancangan serta pengurusan pengedaran.¹⁰⁷

Dari maklumat yang diperolehi pengkaji berpendapat bahagian ini berperanan penting dalam menjalankan usaha dakwah Islam kepada masyarakat Negeri Terengganu di samping terhadap kakitangan JHEAT.

¹⁰⁷ Temubual dengan Puan Hawa Binti Embong , Ketua Pembantu Hal Ehwal Islam (Unit Penerbitan), Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Pada 4 Julai 2010 , Jam 12.45 tgh- 1.30 Petang.

3.3.4 Bahagian Undang-Undang Keluarga

Bahagian ini bertindak sebagai penyelarass dalam hal-hal berkaitan Undang-undang Keluarga Islam seperti dalam urusan perkahwinan, cerai dan rujuk. Bahagian ini mempunyai empat unit kecil yang terdiri daripada unit pentadbiran am, unit pendaftaran NCB, unit khidmat nasihat dan unit pembangunan sosial.¹⁰⁸

a) Unit Pentadbiran Am

Unit ini bertanggungjawab dalam mengawasi dan menyelia kakitangan bahagian ini dalam merancang dan mengurus hal-hal berkaitan perjawatan kakitangan. Seterusnya unit ini diberikan tugas untuk melakukan penyeliaan dan perancangan dalam bajet tahunan di bahagian ini. Kemudiannya unit ini bertindak sebagai pengawal dan pengurus perbelanjaan buku vot bahagian.¹⁰⁹

Di samping itu juga, unit ini akan menyelia kesemua mesyuarat-mesyuarat dalam bahagian. Akhirnya unit ini diberikan tugas untuk menguruskan pesanan borang-borang yang berkaitan dengan nikah, cerai, ruju' dan bahan bekalan kursus BKPP1. Bagi Negeri Terengganu untuk diagihkan kepada pejabat-pejabat Agama Daerah.

¹⁰⁸ Temubual dengan Puan Mariam Binti Mahmud, Beliau Ketua Pembantu Tadbir Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Terengganu, pada 6 Disember 2009, jam 4.30-5.00 petang.

¹⁰⁹ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1 Julai 2010.

b) Unit Pendaftaran NCR

Unit ini diberikan tugas dalam menguruskan segala urusan yang berkaitan nikah, cerai dan ruju' di seluruh Negeri Terengganu dan urusan perkahwinan luar negara. Unit ini juga berperanan dalam pengurusan perlantikan pendaftar, penolong pendaftar dan jurunikah bagi setiap daerah di Negeri Terengganu. Selain itu, unit ini juga mengawal selia serta mengemaskini surat-surat nikah, cerai dan ruju' serta rekod Pendaftar, Penolong Pendaftar dan Jurunikah. Di samping itu, unit ini melakukan penyeliaan dan mengedarkan khutbah-khutbah nikah serta lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan. Begitu juga dalam kursus perkahwinan MBKPPI, unit ini bertanggungjawab dalam mengawal dan menyelia kursus tersebut di seluruh Negeri Terengganu. Unit ini juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan dan menyelia MS ISO 9000.¹¹⁰

c) Unit Khidmat Nasihat

Unit ini bertindak sebagai pakar rujuk kepada golongan-golongan yang bermasalah dalam rumahtangga. Ia menyediakan perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat kepada orang ramai. Unit ini juga diberikan tugas untuk mengawal dan menyelia kaunseling dan khidmat nasihat yang dilakukan di setiap daerah Negeri Terengganu. Di samping itu juga, unit ini berperanan memberikan latihan dan pendedahan serta kemahiran berkaitan kaunseling kepada pegawai wanita di setiap daerah.

¹¹⁰ *Ibid.*

Selain itu juga, unit ini akan melakukan pengawasan dan penyeliaan terhadap rekod-rekod kaunseling (laporan mingguan, bulanan dan rekod tahunan). Unit juga akan sentiasa mengawasi dan menyelia projek penyelidikan unit khidmat nasihat.¹¹¹

d) Unit Pembangunan Sosial

Unit ini menyelaras dan melaksanakan program di Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PKI) dan Pusat Pembangunan Sosial (PPS). Begitu juga dalam menyediakan Kokurikulum bagi pelaksanaan program tersebut. Selain itu, unit ini akan bertanggungjawab dalam mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan kepada masyarakat Islam. Di samping membantu menangani masalah-masalah yang timbul ekoran daripada kepincangan keluarga Islam masa kini. Unit ini juga berperanan dalam merancang program dan aktiviti untuk mewujudkan keluarga Islam yang sejahtera sama ada secara sendirian atau dengan kerjasama NGO yang lain. Seterusnya unit ini juga mengadakan kursus perkahwinan dan kekeluargaan Islam berdasarkan Modal Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) dan menguruskan juga tuntutan pembayaran yang berkaitan dengan kursus perkahwinan dan kekeluargaan.¹¹²

Berpandukan kepada maklumat yang diberikan kepada pengkaji, menunjukkan bahawa bahagian undang-undang keluarga JHEAT ini yang mengendalikan segala urusan berkaitan perkahwinan, penceraian ruju' dan urusan serta permasalahan yang timbul dalam keluarga Islam.

¹¹¹ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1 Julai 2010.

¹¹² *Ibid.*

3.3.5 Bahagian Penyelidikan

Bahagian Penyelidikan ini bertindak sebagai bahagian yang melakukan penyelidikan terhadap perkara yang berkaitan umat Islam sama ada daripada sudut makanan halal, penerbitan bahan bercetak mahupun digital yang diragui bercanggah dengan Syariat Islam. Begitu juga dengan perkara yang berkaitan dengan penyelewengan akidah dan perkara yang berkaitan dengan Syariah Islam iaitu daripada aspek ibadat. Bahagian ini mempunyai empat unit kecil yang terdiri daripada Unit Pengurusan Halal, Unit Tapisan, Unit Akidah dan Unit Syariah.¹¹³

a) Unit Pengurusan Halal

Unit ini mempunyai peranan yang besar dalam membuat pemeriksaan dan pengauditan di premis yang memohon sijil dan logo halal. Setelah pemeriksaan dilakukan, unit ini akan menyediakan laporan hasil daripada pemeriksaan yang dilakukan. Unit ini berfungsi melakukan kursus, seminar dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan isu makanan halal. Di samping itu juga, unit ini membuat kajian terhadap makanan orang Islam dengan mengawal, mengurus dan mengemaskini sijil dan logo halal serta melakukan kajian untuk mengenalpasti terhadap bahan gunaan orang Islam.¹¹⁴

¹¹³ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.

¹¹⁴ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1 Julai 2010.

b) Unit Tapisan

Unit ini merupakan unit yang bertanggungjawab dalam urusan yang berkaitan dengan penyebaran maklumat kepada masyarakat. Unit ini akan bertindak merangka strategi dalam melakukan program penapisan. Setelah itu, unit ini akan menapis dan mengenalpasti bahan penerbitan bercetak atau elektronik yang diragui bercanggah dengan Syariat Islam. Unit ini juga diberikan tugas untuk menyebarkan dan menyedarkan masyarakat Islam berhubung penghargaan sesuatu penerbitan. Unit ini boleh melakukan tindakan undang-undang di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam 2001 terhadap penerbitan yang menyalahi peraturan. Selain itu, unit ini juga menjadi urusetia Jawatankuasa Melihat Anak Bulan Negeri Terengganu dan Jawatankuasa Taqwim Hijri Negeri Terengganu.¹¹⁵

c) Unit Akidah

Unit Akidah ini akan berfungsi dalam merancang program dan aktiviti berkaitan kajian dan pengawalan penyelewengan aqidah. Di samping itu, unit ini akan membuat penyelidikan dan kajian masalah penyelewengan aqidah umat Islam. Unit ini berperanan sebagai tempat untuk masyarakat awam membuat aduan mengenai amalan dan faham aqidah yang menyeleweng serta meragukan. Selain itu, unit ini ditugaskan dalam menyediakan laporan hasil penyelidikan dan kajian tentang permasalahan aqidah serta melakukan kajian dengan meneliti langkah-langkah menangani permasalahan semasa

¹¹⁵ *Ibid.*

berhubung aqidah. Akhirnya unit ini berperanan sebagai penyalur maklumat dan pembuat pengesyoran tindakan kepada bahagian lain-lain yang berkaitan.¹¹⁶

d) Unit Syariah

Unit Syariah ini bertanggungjawab dalam merancang program dan aktiviti berkaitan kajian yang mengawal kesucian Syariah Islam dan melakukan kajian serta penyelidikan mengenai permasalahan yang berkaitan Syariah umat Islam. Unit ini juga diberikan tugas dalam menyediakan laporan dan data berkaitan permasalahan Syariah umat Islam. Di samping itu, unit ini berperanan sebagai tempat yang akan memberikan pandangan dan pengesyoran agar Syariah Islam dipatuhi sebagaimana yang dituntut. Seterusnya unit ini berfungsi sebagai penyalur maklumat kepada bahagian lain atau agensi yang terlibat dalam menangani permasalahan berhubung Syariah umat Islam.¹¹⁷

Dari maklumat dan pemerhatian pengkaji, bahagian ini merupakan bahagian penting dengan peranannya melindungi masyarakat dalam penyelidikan yang dilakukan dalam soal pemakanan, soal pengaruh dalam sesuatu perkara, soal kesucian akidah agar masyarakat tidak terpengaruh dengan agenda pihak-pihak tertentu.

¹¹⁶ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1 Julai 2010.

¹¹⁷ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1 Julai 2010.

3.3.6 Bahagian Penguatkuasaan

Bahagian Penguatkuasaan ini merupakan bahagian yang menjalankan kuasa terhadap perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum Islam seperti berkhawat, minum arak, judi dan sebagainya. Bahagian ini terdiri daripada tiga unit kecil, iaitu Unit Siasatan, Unit Penguatkuasaan dan Unit Logistik.¹¹⁸

a) Unit Siasatan

Unit ini berfungsi sebagai unit yang menerima dan menjalankan siasatan. Ia juga melakukan tugas mengklasifikasikan kesalahan untuk pertuduhan dan merangka tuduhan serta menyimpan barang-barang kes di samping bertindak menjadi saksi utama dalam setiap pendakwaan.¹¹⁹

b) Unit Penguatkuasaan

Unit ini akan menjadi tempat penerima maklumat. Setelah itu, unit ini akan membuat pemantauan dan rondaan serta tangkapan sekiranya wujud kesalahan. Di samping itu, unit ini juga melakukan tangkapan berwaran bagi kes tangkapan yang memerlukan waran. Unit ini juga akan mengendalikan tertuduh untuk dibawa ke mahkamah serta menghantar

¹¹⁸ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.

¹¹⁹ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 29 Jun 2010.

pesalah yang telah disabitkan ke penjara. Selain itu, unit ini berperanan menjaga keselamatan dalam mahkamah.¹²⁰

C) Unit Logistik

Unit ini adalah unit yang mengawal dan melakukan seliaan terhadap peralatan di Bahagian Penguatkuasaan dan memberikan bantuan kemudahan di lokasi-lokasi yang akan dibuat serbuan serta memberikan bantuan kemudahan yang diperlukan dalam sesuatu operasi yang akan dilakukan.¹²¹

Pengkaji dapat menyatakan berpandukan maklumat yang diberikan, bahawa bahagian ini berperanan dalam mengatasi masalah-masalah sosial yang melanda masyarakat terutamanya dalam kes khalwat, minum arak dan judi di kalangan masyarakat Islam Terengganu.

¹²⁰ *Ibid.*

¹²¹ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1Julai 2010.

3.3.7 Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau.

Bahagian ini berperanan menyelia dan mengawasi setiap pengurusan masjid dan surau bagi seluruh Negeri Terengganu. Ia bertujuan agar memudahkan pengurusan dan pentadbiran sesebuah masjid dan surau itu. Bahagian ini terdiri daripada empat unit kecil, iaitu Unit Masjid Kerajaan, Unit Masjid Mukim, Unit Qaryah dan Unit Pentadbiran.¹²²

a) Unit Pentadbiran

Unit ini bertindak mengawasi, menyelia dan mengurus kakitangan bahagian. Begitu juga dalam hal penyeliaan mengawasi proses penghantaran surat-surat dan fail-fail bahagian, di samping menyediakan bajet perancangan tahunan dan mengurus perbelanjaan buku vot bahagian serta mengurus selia mesyuarat-mesyuarat di bahagian tersebut.¹²³

b) Unit Masjid Kerajaan

Unit ini bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan dengan perancangan aktiviti mengimarahkan Masjid Kerajaan dan pemprosesan pendaftaran, perwartaan serta pengrekodan Masjid Kerajaan. Selain itu, unit ini juga akan mengatur dan mengurus selia penempatan pegawai-pegawai Masjid Kerajaan serta menguruskan kenaikan taraf Masjid Mukim ke Masjid Kerajaan.

¹²² Temubual dengan Che Rohani Bt Mat Amin, Ketua Penolong Tadbir Bahagian Pengurusan Masjid, pada 4 Julai 2010, jam 12.30-1.00 petang.

¹²³ *Ibid.*

Begitu juga dalam urusan penyediaan dan penyebaran khutbah, unit ini telah diberikan tugas untuk melaksanakannya di samping melaksanakan urusan keagamaan di Istana.¹²⁴

d) Unit Qaryah

Unit ini diberi tanggungjawab untuk mengurus pembinaan surau, memproses perlantikan pegawai, AJK surau. Di samping itu, ia turut menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan elaun dan kebajikan pegawai-pegawai surau. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam merancang aktiviti pengimarahkan surau, pengurusan, pengawasan dan penyeliaan tanah perkuburan Islam.¹²⁵

e) Unit Masjid Mukim

Unit ini bertindak sebagai badan yang merancang, mengurus dan menyelia dalam hal yang berkaitan pembinaan dan pembangunan Masjid Mukim. Selain itu unit ini juga bertanggungjawab dalam hal urusan pemprosesan pendaftaran dan pengrekodan Masjid Mukim. Di samping itu, unit ini juga terlibat dalam proses perlantikan pegawai-pegawai dan AJK Masjid Mukim. Seterusnya unit ini juga menyelia aktiviti keceriaan dan aktiviti mengimarahkan Masjid Mukim dalam usaha mengajak masyarakat supaya menjadikan masjid sebagai markaz keagamaan bagi masyarakat. Akhirnya unit juga berperanan dalam

¹²⁴ Temubual dengan Ustaz Azhar Bin Wahab Pegawai Ta'mir, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (bahagian Urusan Masjid) Masjid, pada 4 Julai 2010, jam 1.00-1.30 petang.

¹²⁵ *Ibid.*

melakukan perancangan dan pembinaan masjid baru serta urusan menaik tarafkan surau kepada masjid.¹²⁶

Bagi pengkaji berpandukan dengan maklumat yang dinyatakan, bahagian pengurusan masjid dan surau merupakan unit yang berwibawa sebagaimana juga bahagian-bahagian yang lain. Hal ini kerana tanggungjawab yang diberikan dalam usaha mengimarahkan masjid dan surau di seluruh Negeri Terengganu bukanlah suatu yang mudah. Namun kesungguhan yang dilihat melalui unit-unitnya saling berganding bahu pastinya akan memberikan impak yang baik kepada masyarakat.

3.3.8 Bahagian Pendidikan

Bahagian ini merupakan yang mengawal dan menyelia sistem pendidikan agama di seluruh Negeri Terengganu. Unit ini dibahagikan kepada lima unit kecil, iaitu Unit Penaziran, Unit Akademik, Unit Perkhidmatan, Unit Pengurusan Sekolah dan Unit Menengah Agama.¹²⁷

a) Unit Penaziran

Unit ini bertindak sebagai pemberi garis panduan yang betul kepada guru-guru bagi meningkatkan lagi tahap pengajaran mereka.

¹²⁶ *Ibid.*

¹²⁷ Temubual dengan En Abdul Aziz dari bahagian pendidikan JHEAT pada 30 Jun 2010.

Unit ini juga memainkan peranan penting dalam menasihati pengurusan sekolah yang berkaitan dengan hal-hal ikhtisas dan mengenalpasti permasalahan yang berlaku di sekolah. Selain itu, unit ini juga berperanan dalam menganjurkan program pembangunan sumber manusia berkaitan profesion perguruan dan menyelia proses pengajaran serta pembelajaran. Di samping itu, unit ini akan menyelia dan menghantar laporan mengenai sekolah kepada KPP Pendidikan. Unit ini juga ditugaskan untuk memastikan bahawa perakuan-perakuan Penaziran dilaksanakan dengan betul di SMAT dan membuat kajian berkenaan perkara-perkara berkaitan pengajaran dan pembelajaran.¹²⁸

b) Unit Akademik

Unit ini bertanggungjawab dalam menentukan kesesuaian kurikulum SMAT, merancang, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti kurikulum SMAT seperti Mata Pelajaran Teras, Mata Pelajaran Elektif, Mata Pelajaran BAK, Mata Pelajaran Thanawi. Selain itu, pihak unit ini juga akan melakukan penyeliaan proses pengajaran dan pembelajaran bersama unit penaziran serta mengatur kursus-kursus kurikulum bersama JPN. Di samping itu, unit ini ditugaskan untuk mengendalikan kursus-kursus wajib kurikulum kepada guru-guru SMAT dan melakukan penyelarasan aktiviti penilaian, peperiksaan SMAT serta ditugaskan menyediakan bajet tahunan bagi aktiviti kurikulum SMAT.¹²⁹

¹²⁸ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1Julai 2010.

¹²⁹ *Ibid.*

c) Unit Perkhidmatan

Unit ini ditugaskan untuk merancang keperluan sumber manusia, mengurus Program Pembangunan Sumber Manusia dan mengurus kebajikan sumber manusia SMAT serta memproses perantikan SMAT. Pihak unit juga ditugaskan menyediakan bajet tahun PSM SMAT, memproses kenaikan pangkat dan tata tertib. Selain itu, pihak unit ini juga bertanggungjawab mengurus hal-hal yang berkaitan pertukaran, persaraan, cuti serta keperluan peralatan asrama dan sekolah, di samping menjadi perancang dan pelaksana pembangunan sumber dan ICT SMAT serta tugas-tugas lain yang diarahkan.¹³⁰

d) Unit Pengurusan Sekolah

Unit ini berperanan dalam menetapkan dasar pengambilan dan pertukaran pelajar, menyelaras serta melaksanakan program kaunseling dan kerjaya SMAT. Pihak unit ini juga bertanggungjawab dalam melaksanakan program peningkatan kesihatan pelajar, mengurus dasar dan proses biasiswa serta kebajikan para pelajar. Di samping itu, unit ini akan mengadakan program-program bagi meningkatkan tahap disiplin pelajar. Unit ini juga berusaha menyelaras program-program yang berkaitan dengan persatuan dan program sukan SMAT serta berperanan dalam menyediakan bajet Tahunan Unit Pengurusan Sekolah.¹³¹

¹³⁰ Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1Julai 2010.

¹³¹ *Ibid.*

e) Sekolah Menengah Agama

Unit ini bertanggungjawab dalam mengurus pengajaran dalam hal berkaitan pembelajaran, kewangan sekolah dan disiplin serta kokurikulum pelajar. Selain itu, unit ini ditugaskan mengurus pembangunan yang berkaitan penyelenggaraan sekolah, pembangunan sumber manusia dan soal kenaikan pangkat serta tatatertib. Di samping itu, pihak unit ini akan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan asrama dan kebersihan serta keceriaan sekolah.¹³²

Berpandukan kepada maklumat yang diberikan pengkaji melihat bahagian pendidikan JHEAT mempunyai peranannya yang tersendiri dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar cemerlang di dunia dan akhirat dengan sekolah-sekolah agamanya. Pendidikan yang ditekankan bukan hanya kecemerlangan akedemik tetapi akhlak dan agama juga amat diberikan penekanan terhadap pelajar-pelajarnya.

¹³² Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Lihat: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/>, capaian pada 1Julai 2010.

3.4 Unit Yang Terlibat Dalam Mengendalikan Pembangunan insan Di JHEAT

Seperti yang telah diketahui, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu mempunyai lapan bahagian utama. Setiap bahagian itu pula terbahagi kepada beberapa unit. Unit yang terlibat dalam menyelia dan mengawasi pembangunan insan ialah Bahagian Khidmat Pengurusan, dalam Unit Pengurusan Sumber Manusia.

3.4.1 Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT

Unit ini diketuai oleh Penolong Pesuruhjaya (SS44) iaitu Tuan Haji Rozi Bin Bidin ketika penemuan pertama dilakukan. Namun begitu ketika penemuan kedua dijalankan, terdapat beberapa perubahan yang telah berlaku dalam struktur organisasi JHEAT. Ia turut melibatkan unit ini. Jawatan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, telah digantikan dengan Penolong Pesuruhjaya yang baru iaitu Ust Zahari Bin Sulong. Menurut Tuan Haji Rozi dalam seisi tembual pertama dijalankan, beliau menyatakan bahawa unit ini telah lama ditubuhkan dalam JHEAT dan dikenali sebagai Unit Perkhidmatan. Namun ketika itu fungsi unit ini terhad dan tidak dapat beroperasi dengan sepenuhnya. Kakitangan yang berada di dalam unit ini terdiri daripada jawatan S3, N27, N22 dan N17.¹³³

¹³³ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.


Sesuai dengan perubahan masa, pada tanggal 1 Januari 2007 unit ini telah dapat beroperasi dengan sepenuhnya dan dikenali dengan nama Unit Pembangunan Sumber Manusia. Walaupun begitu proses pengurusan dan pelaksanaan unit ini masih agak perlahan disebabkan beberapa masalah. Kini keadaan unit ini telah berbeza dan kembali bergiat aktif tidak seperti sebelumnya. Hal ini kerana menurut Tuan Haji Rozi, masalah-masalah yang dihadapi sebelumnya telah dapat diatasi. Tambahan pula kini, unit ini telah mempunyai kakitangannya sendiri yang terdiri daripada jawatan N27.

Beliau juga menjelaskan bahawa jawatan N27 itu adalah mereka yang diberikan tanggungjawab khusus untuk mengenalpasti keperluan program para pegawai dan kakitangan JHEAT dalam hal yang berkaitan dengan Hal Ehwal Islam dan kemahiran. Hal ini bertujuan meningkatkan lagi tahap pembangunan insan di kalangan kakitangan JHEAT. Menurut beliau lagi, sebagai ketua unit pembangunan sumber manusia ini, beliau menaruh harapan yang tinggi agar tahun 2010 dan 2011 segala proses dan pelaksanaan latihan program pembangunan insan dapat dilakukan dengan baik tanpa sebarang masalah.

Manakala menurut Ust Zahari Sulong sepanjang beliau mengambil alih tempat Tuan Haji Rozi, segalanya perancangan berjalan sebagaimana yang direncanakan. Beliau juga mengatakan unit ini akan terus melaksana dan melakukan program-program yang bersesuaian dengan kakitangan JHEAT dalam usaha meningkatkan lagi pembangunan insan di JHEAT agar sentiasa mengikut keadaan semasa.¹³⁴ Carta di bawah menunjukkan struktur pentadbiran yang terdapat di dalam unit ini :

¹³⁴ Temubual bersama Ustaz Zahari B. Sulong, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT (yang menggantikan Ust Rozi), pada 30 Jun 2010, jam 10.30 pg

Rajah 3.2
Carta Struktur Organisasi Unit Pembangunan Modal Insan JHEAT.



(Sumber : daripada Unit Pembangunan Modal Insan JHEAT.)

3.5 Program Pembangunan insan Yang Dilaksanakan.

Sesebuah Jabatan Kerajaan mahupun swasta dan organisasi-organisasi bukan kerajaan, sudah tentu mempunyai pelan strategik serta agenda perancangan tahunnya tersendiri. Hal ini bertujuan memastikan rancangan yang telah direncanakan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya untuk memperolehi tahap pencapaian yang cemerlang. Walaupun demikian, belum tentu perancangan yang sempurna itu dapat dicapai dengan baik dan memberikan kejayaan.

Hal ini kerana pelbagai faktor harus diambil kira dalam usaha memastikan kejayaan dapat dicapai. Ia bukan sahaja memerlukan perancangan yang sempurna, tetapi ia juga menuntut kerjasama yang utuh di antara para pekerja mahu majikan dalam sesebuah organisasi untuk mencapai kejayaan yang diharapkan. Begitu jugalah dengan JHEAT, pelbagai program telah dilaksanakan dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti. Menurut Puan Faridah, program yang di adakan berbentuk program motivasi, program kepimpinan, program kemahiran dan program keagamaan. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 bentuk program yang dilaksanakan.¹³⁵

¹³⁵Temubual dengan Puan Faridah, Pembantu Pentadbiran (unit pembangunan sumber manusia), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, pada 30 Jun 2010, jam 12.00-1.00 tengahari.

Jadual 3.1 Program-program pembangunan insan yang dilaksanakan oleh JHEAT terhadap kakitangannya

Program Kemahiran	Program Motivasi	Program Keagamaan	Program Kepimpinan
Program ICT	Program Kaunseling	Program Ta'mir (berbentuk ceramah agama) yang dilakukan setiap Khamis.	Program Pengurusan Pejabat
Program Pengendalian Mesyuarat & penulisan minit.	Kursus Tatatertib	Program Ihya' Ramadhan	Program Gotong-royong.
Kursus Audit dalaman (5S)	Program Pengurusan masa	Program keagamaan yang dilakukan sambutan bersama dengan SUK-sambutan maulidur-rasul, awal muharam, sambutan idilfitri	Anugerah pekerja cemerlang
Kursus ILIM dan JKSM			

(Sumber : Takwin Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu 2009- 2010)

Jadual di atas menunjukkan program-program pembangunan insan yang telah dilaksanakan oleh JHEAT terhadap kakitangannya. Jadual ini jelas menunjukkan, terdapat empat kategori utama program yang dilaksanakan. Program itu ialah program yang berbentuk kemahiran, motivasi, keagamaan dan kepimpinan.

3.5.1 Program Berbentuk Kemahiran

a) Program ICT

Program ini telah diadakan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan mendedahkan kepada kakitangan mengenai hal-hal berkaitan dengan perkomputeran dalam urusan pejabat mahupun urusan lain sejajar dengan dunia hari ini yang bersifat e-Ekonomi. Program ICT ini disasarkan kepada semua kakitangan JHEAT. Ia telah dilaksanakan sebanyak tujuh kali iaitu pada tarikh (9-11 Februari 2010), (9-11 Mac 2010), (6-8 April 2010) (8-10 Jun 2010), (6-8 Julai 2010) (12-14 Oktober 2010), (9-11 November 2010) dan akhirnya (21-23 Disember 2010). Kesemuanya bertempat di Hotel Seri Malaysia Marang. Hal ini membuktikan kesungguhan JHEAT dalam usaha memastikan kakitangannya mahir menggunakan komputer dan berinteraksi dengan dunia hari ini yang tanpa sempadan.¹³⁶

b) Program Pengendalian Dan Penulisan Minit Mesyuarat

Program ini merupakan satu bentuk program kemahiran yang penting untuk didedahkan kepada kakitangan. Program ini disasarkan kepada kakitangan pengurusan dan sokongan kumpulan satu. Ia telah diadakan pada (19-21 Januari 2010), bertempat di Bukit Keluang Beach Resort Besut. Menurut Puan Faridah program pengendalian dan penulisan minit mesyuarat ini menjadi keperluan kepada kakitangan JHEAT.

¹³⁶ Takwim Kursus-Kursus Anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Tahun 2010.

Walaupun mungkin tidak tergambar di fikiran pengkaji bahawa program sebegini juga turut menjadi fokus utama JHEAT dalam program pembangunan insan terhadap kakitangannya. Hal ini jelas membuktikan bahawa JHEAT ingin mewujudkan keselarasan dalam pentadbirannya agar pengurusan JHEAT lebih teratur dan tersusun.¹³⁷

C) Program Audit Dalaman

Program audit dalaman ini telah diadakan sempena JHEAT melancarkan program 5S. Program ini telah diadakan pada (16-18 Februari 2010) dan ia disasarkan kepada Juru Audit JHEAT (5S) bertempat di Residence Inn Dungun.¹³⁸ Hal ini bertujuan memastikan tahap pelaksanaan program 5S dapat dikekalkan pelaksanaannya terhadap kakitangan dengan sempurna.

d) Kursus Anjuran ILIM dan JKSM

Program ILIM ini diadakan dengan kerjasama JAKIM dan diadakan di Bangi. Ia diadakan pada setiap bulan. Manakala program berkaitan dengan Syariah yang berkaitan dengan pendakwaan di anjurkan oleh JKSM dan diadakan di ILKAP Bangi. Kedua-dua program ini sasarannya ditumpukan kepada kakitangan pengawai dan kakitangan sokongan Gred B.¹³⁹

¹³⁷ Temubual dengan Puan Faridah, Pembantu pentadbiran (Unit Pembangunan Sumber Manusia) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, pada 04 Julai 2010 Jam 12.00- 1.00 Tengah hari.

¹³⁸ Takwim Kursus-Kursus Anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Tanun 2010..

¹³⁹ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.

3.5.2 Program Berbentuk Motivasi

a) Program Kaunseling

Program kaunseling telah dilaksanakan bertujuan memberikan kakitangan mengenai info-info untuk menangani stress semasa bekerja dan cara berkomunikasi yang baik sesama kakitangan. Program ini telah diadakan pada (15-17 Jun 2010) dengan sasaran terhadap kumpulan pekerja (sokongan 11), bertempat di Demong Resort Besut. Hal ini diharapkan dengan pendedahan maklumat sebegitu akan meningkatkan hubungan dan kerjasama di kalangan warga organisasi dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti.¹⁴⁰

b) Program Tatatertib

Program kursus tatatertib ini pula telah dilaksanakan supaya para kakitangan dapat mengetahui dengan jelas garis panduan dan etika-etika yang harus dipatuhi semasa mereka berada di pejabat, berurusan dengan masyarakat luar mahupun dengan pihak atasan mereka. Program ini telah diadakan pada (18-20 Mei 2010) dengan sasaran terhadap kakitangan (pengurusan dan sokongan 1) bertempat di Felda Residence Kuala Terengganu.¹⁴¹

Hal ini sebagai salah satu usaha JHEAT untuk melahirkan warga organisasinya yang beretika dan berdisiplin.

¹⁴⁰ Temubual dengan Puan Manisah Bt Abdul Rahman, Pembantu Tadbir Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, pada 4 Julai 2010, jam 1.30-2.00 petang.

¹⁴¹ Takwim Kursus-Kursus Anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Tanun 2010.

C) Program Pengurusan Masa

Program pengurusan masa telah dilaksanakan bertujuan mendidik para pekerja agar dapat menguruskan masa mereka dengan baik. Terutama ketika menjalankan tanggungjawab mereka di pejabat dan urusan peribadi mereka. Program ini telah diadakan pada (23-25 November 2010) dengan sasaran terhadap kakitangan (pengurusan dan sokongan 1) bertempat di Seri Malaysia Hotel Kuala Terengganu.¹⁴²

3.5.3 Program Berbentuk Keagamaan

a) Program Ta'mir

Program ini telah dilaksanakan bertujuan untuk memberikan takzirah dan ceramah agama sarannya kepada orang luar terutamanya kepada guru-guru pelawat. Kehadiran kakitangan dalam program ini terbuka sama ada ingin menghadirinya tau sebaliknya. Program ini telah dijalankan pada setiap hari Khamis jam 8.30 pagi-9.30 pagi, bertempat di dewan JHEAT di tingkat empat.¹⁴³ Kehadiran dalam program ini terbuka untuk kakitangan sama ada ingin menghadirinya atau sebaliknya.

¹⁴² Temu bual dengan Ustaz Zahari B. Sulong, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT(yang menggantikan Ust Rozi), pada 4 Julai 2010, jam 10.30 pg.

¹⁴³ Temu bual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.

b) Program Ihya' Ramadhan

Program Ihya' Ramadhan ini telah dilaksanakan bertujuan untuk mengimarahkan bulan Ramadhan yang penuh barakah. Ia telah diadakan di seluruh masjid dan surau di Negeri Terengganu. Antara aktiviti yang dijalankan ialah majlis berbuka puasa dan bersahur di masjid seluruh Negeri Terengganu. Majlis berbuka puasa sesama saudara baru dan golongan miskin serta fakir juga telah diadakan sempena bulan Ramadhan. Solat terawih dilakukan dengan berimamkan para hufaz sama ada imam hafiz dalam negeri mahupun jemputan dari Negara Timur Tengah. Aktiviti tadarus al-Quran di seluruh masjid dan surau di Negeri Terengganu. Majlis majlis khatam al-Quran juga turut dilakukan di seluruh masjid dan surau di Negeri Terengganu.¹⁴⁴

c) Program Anjuran Bersama Dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK)

Program sambutan Maulidur Rasul, program sambutan bubur `Asyura, program sambutan Maal Hijrah, dan program Nuzul al-Quran. Program ini diadakan secara bersama dengan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK). Hal ini bertujuan untuk memudahkan aktiviti tersebut dilaksanakan dan menarik agar lebih ramai kakitangan mengikuti program-program tersebut. Program ini diadakan berdasarkan kepada tarikh kalendar hijrah Islam.¹⁴⁵

¹⁴⁴ Temu bual dengan Puan Hawa Binti Embong, Ketua Pembantu Hal Ehwal Islam (unit penerbitan), Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, pada 4 Julai 2010, jam 1.30- 2.00 petang.

¹⁴⁵ Temubual dengan Tuan Haji Rozi Bin Bidin, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, pada 6 Disember 2009, jam 2.30- 4.30 petang.

3.5.4 Program Berbentuk Kepimpinan

a) Program Pengurusan Pejabat.

Program pengurusan pejabat telah dilaksanakan untuk memberikan pendedahan kepada para kakitangan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan pengendalian urusan pejabat. Program ini telah diadakan pada (15-17 Jun 2010) bersama dengan program kursus kaunseling dengan sasaran terhadap kumpulan pekerja (sokongan 11), bertempat di Demong Resort Besut. Kewujudan program sebegini diharapkan secara tidak langsung dapat mendidik kakitangan agar menjadi pengurus, pemimpin dan ketua dalam urusan pejabat mereka. Mahupun dalam urusan peribadi mereka sendiri.¹⁴⁶

b) Program Gotong-Royong

Program gotong royong ini membawa maksud bahawa sesuatu perkerjaan atau urusan itu diadakan secara beramai dan berkumpulan. Hal ini bertujuan agar program ini dapat melicinkan tugas-tugas tertentu dengan kadar segera dan lebih cepat berbanding dilakukan pada waktu pejabat yang masanya terhad. Contohnya gotong royong untuk membersihkan dan mengemaskinikan barang stor dan fail bagi memastikan program 5S dapat dijalankan dengan baik. Program ini diadakan pada hujung minggu dan disasarkan kepada seluruh kakitangan JHEAT untuk mengikutinya.¹⁴⁷ Diharapkan juga program ini dapat mengeratkan lagi hubungan di antara kakitangan.

¹⁴⁶ Temubual dengan Puan Faridah, Belia pembantu pentadbiran (Unit Pembangunan Sumber Manusia) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, pada 04 Julai 2010 Jam 12.00- 1.00 Tengah hari.

¹⁴⁷ Temu bual dengan Ustaz Zahari B. Sulong, Penolong Pesuruhjaya Unit Pembangunan Sumber Manusia JHEAT, pada 4 Julai 2010, jam 10.30 pagi.

Oleh yang demikian, setelah mengenalpasti bentuk-bentuk program yang dilaksanakan dalam kakitangan JHEAT. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa program pembangunan insan yang dilaksanakan dalam kakitangan JHEAT, lebih memfokuskan kepada aspek kemahiran, motivasi dan kepimpinan iaitu aspek fizikal. Manakala program yang berbentuk keagamaan dan kerohanian pula lebih tertumpu kepada program anjuran bersama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Unit Sumber Pembangunan Manusia.

Keadaan ini secara tidak langsung jelas menunjukkan bahawa JHEAT hanya menumpukan sepenuh perhatian untuk melaksanakan program keagamaan terhadap masyarakat sahaja. Hal sedemikian tidak seharusnya terjadi, kerana program berbentuk keagamaan ini juga amat penting untuk dilaksanakan terhadap kakitangan JHEAT itu sendiri dalam usaha melahirkan masyarakat berkualiti. Hal ini kerana perubahan itu hendaklah dimulakan dengan kakitangan JHEAT terlebih dahulu selaku sebagai penggerak kepada perubahan masyarakat.

Pengkaji berpendapat keadaan ini tidak seharusnya di pandang remeh dan tindakan yang sewajarnya haruslah diambil. Jika tidak, JHEAT akan mengalami kesukaran dalam usahanya menarik minat masyarakat untuk melakukan perubahan pradigma masyarakat Islam Terengganu.

Kesimpulan.

Jabatan ini telah berkembang merangkumi segenap bahagiannya mengikut arus perkembangan semasa. Berperanan sebagai sebuah organisasi kerohanian yang berwibawa dalam mendidik dan memberikan perkhidmatan keagamaan kepada masyarakat Terengganu. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya misi dan objektif yang tersendiri dalam usaha untuk menegakkan Islam sebagai satu cara hidup. Bagi memudahkan proses pelaksanaan gerak kerja, pelbagai bahagian dan unit telah diwujudkan dalam jabatan itu. Secara keseluruhannya jabatan ini telah mempunyai lapan bahagian utama, iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Dakwah, Bahagian Pendidikan, Bahagian Pengurusan Masjid, Bahagian Pendakwaan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Undang-undang Keluarga Islam. Manakala untuk melancarkan lagi mutu perkhidmatan jabatan ini terhadap kakitangan dan masyarakat, Unit Pembangunan insan telah diwujudkan atau ia dikenali sebagai unit pembangunan sumber manusia. Ia bertujuan mengendalikan program-program yang berkaitan dengan pembangunan insan di jabatan ini dalam usaha untuk melahirkan warga kerja yang cemerlang. Di samping untuk menjadikan organisasi ini sebuah badan yang berwibawa dalam menabur bakti dan khidmatnya kepada masyarakat Terengganu.